

TERMA DAN SYARAT TAMBAHAN BAGI AKAUN SIMPANAN AGRO FARAH-i

Terma dan Syarat Tambahan ini hendaklah dibaca bersama dan tertakluk kepada Terma dan Syarat bagi Akaun Deposit. Untuk tujuan Terma dan Syarat Tambahan ini, perkataan dan ungkapan berikut akan mempunyai maksud yang diperuntukkan kepadanya kecuali konteks memerlukan yang sebaliknya:-

1. DEFINISI

- Akaun Deposit** : merujuk kepada Akaun GIRO dan Akaun Simpanan termasuk mana-mana akaun yang telah atau baru diperkenalkan oleh Bank dari semasa ke semasa;
- Akaun Simpanan Agro Farah-i** : merujuk kepada Akaun Simpanan individu berasaskan penyata yang menggunakan kontrak Syariah *Tawarruq* direka khusus bagi individu Wanita yang memegang status Warganegara Malaysia/Penduduk Tetap/ Bukan Warganegara berumur sekurang-kurangnya lapan belas (18) tahun semasa pembukaan akaun.
- Akaun ini menawarkan insentif tambahan (Bonus) secara bulanan; tertakluk terma dan syarat.
- Akaun Sub** : merujuk kepada Akaun Deposit yang dikendalikan oleh suami dan/atau Anak kepada Pemegang Akaun Simpanan Agro Farah-i yang dihubungkan/didaftarkan di bawah Akaun Utama.
- Akaun Utama** : merujuk kepada Akaun Simpanan Agro Farah-i.
- Anak** : merujuk kepada anak jagaan sah kepada Pemegang Akaun Utama. Pendaftaran/pautan Akaun bagi Anak sebagai Akaun Sub kepada Akaun Utama adalah tertakluk kepada dokumen pendaftaran/penjagaan anak yang sah.
- Bank** : merujuk kepada Bank Pertanian Malaysia Berhad atau dikenali sebagai "Agrobank" termasuk cawangan-cawangannya serta penerima serah hak.
- Bonus** : merujuk kepada insentif tambahan yang diberikan oleh Bank kepada Pemegang Akaun Simpanan Agro Farah-i. Bonus (sekiranya ada) akan dikreditkan ke dalam Akaun Utama setiap 1 hari bulan pada bulan yang berikutnya atau pada bila-bila masa yang ditentukan pihak Bank.

Pemegang Akaun Utama : merujuk kepada individu wanita yang merupakan Pemegang Akaun Simpanan Agro Farah-*i*.

Suami : Merujuk kepada Suami kepada Pemegang Akaun Utama yang memiliki dokumen pendaftaran perkahwinan yang sah.

2. DEPOSIT PERMULAAN MINIMUM

2.1 Permohonan pembukaan Akaun Simpanan Agro Farah-*i* hendaklah dibuat oleh individu yang memenuhi kriteria kelayakan dengan mengemukakan Borang Permohonan Pembukaan Akaun yang telah dilengkapkan kepada pihak Bank. Kriteria kelayakan adalah tertakluk kepada polisi dan prosedur semasa Bank termasuk umur, deposit permulaan minimum, dan dokumen-dokumen sokongan seperti yang dikehendaki oleh pihak Bank. Pemohon boleh membuat semakan kriteria kelayakan dari semasa ke semasa melalui laman sesawang rasmi Bank atau hadir ke mana-mana cawangan yang berdekatan. Deposit permulaan minimum bagi pembukaan Akaun Simpanan Agro Farah-*i* adalah seperti di bawah:-

Kategori Akaun	Deposit Permulaan Minimum
Individu - Warganegara	RM50.00
Individu – Bukan Warganegara/ Penduduk Tetap	RM100.00

2.2 Jumlah minimum bagi transaksi deposit dan pengeluaran wang melalui Mesin Teler Automatik (“ATM”) dan Mesin Deposit Tunai (“CDM”) adalah tertakluk kepada denominasi yang tersedia manakala urusan melalui kaunter adalah Ringgit Malaysia Satu (RM1.00).

3. BAKI MINIMUM

3.1 Jumlah baki minimum yang perlu dikekalkan di dalam Akaun Simpanan Agro Farah-*i* adalah seperti di bawah:-

Kategori Akaun	Baki Minimum
Individu - Warganegara	RM10.00
Individu – Bukan Warganegara/ Penduduk Tetap	RM20.00

4. BILANGAN AKAUN

4.1 Setiap pelanggan hanya dibenarkan untuk membuka satu (1) Akaun Simpanan Agro Farah-*i*. Sekiranya Pelanggan telah menutup Akaun Simpanan Agro Farah-*i*, Pelanggan boleh membuat permohonan bagi pembukaan Akaun Simpanan Agro Farah-*i* yang baru. Walau bagaimanapun, pembukaan Akaun Simpanan/GIRO yang lain adalah dibenarkan.

BANK PERTANIAN MALAYSIA BERHAD (811810-U)

- 4.2 Setiap Akaun Utama boleh dipautkan (“linked”) kepada beberapa Akaun Sub. Walau bagaimanapun, setiap Akaun Sub hanya boleh dipautkan hanya kepada satu (1) Akaun Utama.
- 4.3 Pendaftaran Akaun Simpanan Agro Farah-*i* sebagai Akaun Sub kepada Akaun Simpanan Agro Farah-*i* yang lain adalah tidak dibenarkan.

5. KEUNTUNGAN DAN BONUS**5.1 Keuntungan**

- a. Jumlah keuntungan dikira secara harian mengikut Kadar Keuntungan Efektif (KKE) seperti yang ditetapkan dan dimaklumkan oleh pihak Bank dari semasa ke semasa. Jumlah keuntungan yang terakru akan dikreditkan ke dalam Akaun Simpanan Agro Farah-*i* Pelanggan pada setiap satu (1) hari bulan pada bulan yang berikutnya atau pada jangka masa yang akan dimaklumkan oleh pihak Bank. Formula yang digunakan adalah berikut:

Pengiraan Keuntungan Harian

$$\text{Keuntungan Harian} = \text{DBH} \times \text{KKE} / 365 \text{ atau } 366$$

Di mana;

DBH = Deposit Bersih Harian dalam Ringgit Malaysia (RM).

KKE = Kadar Keuntungan Efektif (%) bagi Akaun Simpanan Agro Farah-*i*.

Pengiraan Harga Belian Bank

$$\text{Harga Belian Bank} = \text{DBH} \times \text{KKS} \times t / 365 \text{ atau } 366$$

Di mana;

DBH = Deposit Bersih Harian di dalam Ringgit Malaysia (RM).

KKS = Kadar Keuntungan Siling (%) bagi Akaun Simpanan Agro Farah-*i*.

T = Bilangan hari dari Tarikh Kemasukan sehingga Tarikh Tamat Tempoh Akad
(31 Disember pada setiap tahun)

- b. Struktur KKE adalah mengikut ketetapan bagi setiap produk atau kempen dan hendaklah ditentukan oleh pihak Bank dari semasa ke semasa mengikut struktur yang berikut:-
- (i) Kadar Rata Tunggal;
- (ii) Kadar Bertingkat mengikut Kadar Tunggal berdasarkan jumlah keseluruhan deposit;

BANK PERTANIAN MALAYSIA BERHAD (811810-U)

- (iii) Kadar Berasingan mengikut KKE yang berbeza bagi setiap baki akaun yang berada dalam julat yang ditetapkan.
 - (iv) Pengiraan Keuntungan Harian adalah tertakluk kepada keperluan baki minimum di dalam akaun dan ketetapan pada sistem Bank.
- c. Pelanggan bersetuju memberikan rebat (ibra') kepada pihak Bank sekiranya berlaku perkara-perkara yang berikut:-
- (i) Pengeluaran atau pemindahan wang simpanan sebelum Tarikh Tamat Tempoh Akad bagi tahun semasa (31 Disember pada tahun semasa);
 - (ii) Penutupan akaun dilakukan sebelum Tarikh Tamat Tempoh Akad bagi tahun semasa;
 - (iii) KKS semasa akad adalah lebih tinggi dari KKE;
 - (iv) Akaun Simpanan Agro Farah-*i* dibekukan oleh Bank;
 - (v) Baki Akaun Simpanan Agro Farah-*i* adalah kurang dari keperluan baki minimum.

Pengiraan rebat (ibra')

ibra' (Rebat) = Harga Belian Bank – Jumlah Keuntungan Terakru yang perlu dibayar.

- d. Sekiranya berlaku perubahan pada Kadar Dasar Semalaman yang mengakibatkan KKE bagi pengiraan keuntungan harian adalah melebihi dari KKS yang diakadkan, jumlah lebihan yang dikreditkan ke dalam Akaun Simpanan Agro Farah-*i* Pelanggan tersebut akan dikira sebagai *Hibah* (Hadiah) daripada pihak Bank.

5.2 Bonus

- a. Pembayaran Bonus adalah menggunakan kontrak Syariah Hibah Mu'allaqah (Hibah Bersyarat). Pemegang Akaun Utama perlu memenuhi terma dan syarat yang dinyatakan dan layak menerima Bonus tambahan mengikut formula pengiraan yang ditetapkan seperti berikut:-

Formula Pengiraan Bonus

Bonus = (Jumlah Keuntungan/Hibah yang dikreditkan ke dalam Akaun Sub) x 50%

Ilustrasi pembayaran Bonus adalah seperti jadual di bawah:

KATEGORI AKAUN	PEMEGANG AKAUN	BAKI BULANAN	KADAR KEUNTUNGAN (p.a.)*	KEUNTUNGAN BULANAN	BONUS DIKREDIT KE AKAUN UTAMA**
Utama	Wanita/ Ibu	RM5,000.00	1.00%	RM4.17	
Sub	Suami	RM5,000.00	1.00%	RM4.17	RM2.08
Sub	Anak 1	RM1,500.00	0.50%	RM0.63	RM0.31
Sub	Anak 2	RM1,500.00	0.50%	RM0.63	RM0.31
Sub	Anak 3	RM1,000.00	0.50%	RM0.42	RM0.21
Sub	Anak 4	RM1,000.00	0.50%	RM0.42	RM0.21
Sub	Anak 5	RM1,000.00	0.50%	RM0.42	RM0.21
JUMLAH BONUS DIKREDIT KE AKAUN UTAMA					RM3.33

NOTA:

* Kadar Keuntungan adalah bagi tujuan simulasi sahaja. Kadar sebenar adalah tertakluk kepada Kadar Keuntungan Efektif bagi setiap Akaun Deposit.

** Tambahan sebanyak 50% berdasarkan Keuntungan/Hibah yang dikredit ke Akaun Sub akan dikredit ke Akaun Utama sebagai bayaran Bonus.

- b. Bonus (sekiranya ada) akan dikreditkan ke dalam Akaun Utama setiap satu (1) hari bulan pada bulan yang berikutnya.
- c. Bonus tidak akan dikredit ke Akaun Utama jika pautan dengan Akaun Sub dihentikan dan/atau sekiranya Akaun Sub ditutup sebelum Keuntungan dibayar berdasarkan bulan yang lengkap.
- d. Pelanggan perlu memastikan Akaun Utama dan Sub dalam keadaan aktif, tidak dikategorikan sebagai dorman (tiada transaksi dijalankan untuk tempoh 12 bulan atau lebih) atau dibekukan oleh pihak Bank di atas sebab-sebab yang tertentu.
- e. Pembayaran Bonus adalah di atas budibicara pihak Bank dan tidak menjadi obligasi kepada pihak Bank untuk membuat pembayaran Bonus kepada Pemegang Akaun Utama.

6. PERUNTUKAN SAMPINGAN

- 6.1 Selain dari Terma dan Syarat Tambahan yang dinyatakan di sini, terma-terma dan syarat-syarat lain yang termaktub di dalam Terma dan Syarat Bagi Akaun Deposit hendaklah digunapakai.
- 6.2 Sekiranya terdapat apa-apa yang tidak konsisten atau terdapat percanggahan di antara Terma dan Syarat Tambahan ini dengan Terma dan Syarat bagi Akaun Deposit dan. Atau



BANK PERTANIAN MALAYSIA BERHAD (811810-U)

mana-mana risalah pemasaran dan bahan-bahan promosi yang berkaitan dengan kempen atau promosi, Terma dan Syarat Tambahan ini akan diguna pakai.

-TAMAT-

Untuk maklumat lanjut, sila kunjungi cawangan Agrobank atau lawati laman sesawang rasmi kami di www.agrobank.com.my.